

DATE: 28/11/2007

Dr M mula jalankan tugas rutin

KUALA LUMPUR: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad sudah mula menjalankan tugasnya di Yayasan Kepimpinan Perdana dan Petronas sejak 10 hari lalu.

Anak beliau, Datuk Mukhriz, berkata bapanya sudah mula bekerja semula tetapi tidak sibuk seperti sebelum menjalani pembedahan pintasan jantung di Institut Jantung Negara (IJN).

"Beliau memerlukan sebulan atau dua lagi untuk pulih kepada keadaan sedia kala. Setakat ini semuanya berjalan lancar.

"Beliau jenis yang tak boleh tahan lama duduk di rumah tanpa buat apa-apa dan kena pergi pejabat," katanya selepas sidang amedia mengenai perkembangan terkini ujian klinikal Vaksin Kanser EGF yang dikendalikan syarikat Bioven Sdn Bhd untuk merawat penyakit kanser di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, semalam.

Mukhriz yang juga Pengerusi Bioven berkata, keluarganya masih mengawal jumlah pelawat yang berkunjung ke rumah mereka.

Mengenai pemakanan Dr Mahathir, Mukhriz berkata, bapanya dibenarkan untuk mengambil sebarang makanan yang disukai.

"Saya difahamkan pakar pemakanan IJN berpuas hati dengan perkembangan Tun setakat ini. Beliau memang orang Kedah dan bila sedar selepas pembedahan beliau nak makan roti canai," katanya.

Mukhriz berkata, bapanya juga masih menjalani pemeriksaan fisioterapi dua kali seminggu di IJN.

Dr Mahathir dibenarkan keluar dari IJN pada 21 Oktober lalu iaitu genap tujuh minggu atau 49 hari selepas dimasukkan ke institut itu pada 2 September lalu untuk pembedahan pintasan jantung kali kedua.